

**HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DENGAN TINGKAH LAKU DELINKUEN DALAM
KALANGAN JUVANA SEKOLAH INTEGRITI, KOMPLEKS
PENJARA KAJANG (SIK), SELANGOR**

Mohd Mohshen Jaamat
Mohshen22@gmail.com
Norlizah Che Hassan
(norlizah@upm.edu.my)

Abstrak

Ayat Pengenalan; Kecerdasan emosi merupakan salah satu daripada elemen perkembangan holistik individu yang ditekankan dalam falsafah pendidikan kebangsaan, selain daripada tingkah laku disiplin yang juga turut memainkan peranan penting dalam mempastikan kejayaan seseorang pelajar di sekolah. Penekanan kepada dua aspek ini adalah penting demi mengekang masalah antisosial dan tingkah laku delinkuen daripada dilakukan oleh remaja sekolah yang semakin hari semakin membimbangkan. Tujuan Kajian; Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan juvana SIK, selain mengenalpasti adakah wujud perbezaan yang signifikan pada tahap kecerdasan emosi juvana SIK berdasarkan faktor demografi (umur dan status sosioekonomi). Metodologi; Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif tinjauan korelasi dengan mengedarkan soalan *survey* kepada sampel kajian seramai 132 orang responden lelaki di SIK. Instrumen bagi mengukur tahap kecerdasan emosi adalah diadaptasi daripada Noriah et al., (2003) dan instrumen pengukuran tingkah laku delinkuen/antisosial pelajar yang dibangunkan oleh Rozumah et al., (2003). Kajian rintis yang dijalankan menunjukkan skor Alpha Cronbach instrumen tersebut adalah 0.79 (kecerdasan emosi) dan 0.91 (tingkah laku delinkuen). Dapatkan Utama; Dapatkan kajian menunjukkan wujud hubungan negatif yang signifikan antara tahap kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen. Keputusan analisis perbandingan ujian Anova satu hala menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kecerdasan emosi berdasarkan status sosioekonomi (jenis pekerjaan ibu bapa). Namun, terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kecerdasan emosi berdasarkan status sosioekonomi (tahap pendidikan ibu bapa). Implikasi Kajian; Dapatkan kajian mampu memberikan maklumat yang berguna kepada semua pihak seperti ibu bapa, guru dan sekolah amnya dalam memahami aspek kecerdasan emosi remaja juvana berdasarkan latarbelakang demografi yang pelbagai. Cadangan juga diutarakan agar guru harus memperoleh maklumat yang mencukupi tentang pelajar dan membantu pelajar dalam menguruskan emosi mereka, penggubal dasar harus merangka program pendidikan dengan merujuk khusus kepada kecerdasan emosi untuk menangani kecenderungan tingkah laku delinkuen remaja.

Kata Kunci : Kecerdasan emosi, tingkah laku delinkuen, faktor demografi (umur, status sosio-ekonomi), remaja juvana, sekolah integriti

Abstract

Introduction; Emotional intelligence is one of the elements of individual holistic development emphasized in the national philosophy of education, apart from disciplinary behavior which also plays an important role in ensuring the success of a student in school. Emphasizing on these two aspects is important in order to curb antisocial problems and delinquent behavior from being committed by school adolescents who are increasingly worrying nowadays.Purpose of the Study; The purpose of this study was to examine the relationship between emotional intelligence and delinquent behavior among SIK juveniles, besides identifying whether there are significant differences in the level of emotional intelligence of SIK juveniles based on demographic factors (age and socio-economic status). Methodology; This study uses the quantitative method of correlation survey by distributing survey questions to a sample of 132 male respondents in SIK. The instrument for measuring level of emotional intelligence was adapted from Noriah et al., (2003) and instrument for measuring delinquent/antisocial behavior of students developed by Rozumah et al., (2003). A pilot study conducted showed that the Alpha Cronbach scores of the instruments were 0.79 (emotional intelligence) and 0.91 (delinquent

behavior). Key Findings; The findings show that there is a significant negative relationship between the level of emotional intelligence and delinquent behavior. The results of the comparative analysis of the one-way Anova test showed no significant difference in the level of emotional intelligence based on socio-economic status (type of parental occupation). However, there were significant differences in the level of emotional intelligence based on socio-economic status (parental education level). Implications of the Study: The findings of the study are able to provide useful information to all parties such as parents, teachers and schools in general in understanding aspects of emotional intelligence of adolescents based on diverse demographic backgrounds. Suggestions were also made that teachers should obtain adequate information about students and assist students in managing their emotions, policymakers should design educational programs with specific reference to emotional intelligence to address students' delinquent behavioral tendencies.

Keywords : Emotional intelligence, delinquent behavior, demographic factors (age, socio-economic status), juvenile teenagers, integrity school.

Kecerdasan emosi merupakan salah satu daripada elemen perkembangan holistik individu yang ditekankan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. Falsafah pendidikan kebangsaan menjelaskan, “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”. Faktor emosi begitu penting sehingga ia dimasukkan sebagai salah satu elemen dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ramai berpendapat kecerdasan emosi adalah sama penting seperti mana kecerdasan intelek mahupun lebih lagi. Goleman (1995) menyatakan bahawa hanya 20% kecemerlangan seseorang individu itu bergantung kepada kecerdasan intelek manakala 80% lagi bergantung kepada pengurusan emosi seseorang itu secara berkesan. Beliau seterusnya merumuskan bahawa kecerdasan emosi adalah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan seseorang. Selain daripada kecerdasan emosi dan intelek, tingkah laku disiplin juga memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan seseorang pelajar di sekolah. Terdapat banyak salah laku disiplin atau delinkuensi remaja yang menjadi persoalan dan permasalahan yang perlu dikaji bagi mencari punca permasalahan sosial remaja masakini. Kajian ini merupakan salah satu usaha untuk mengkaji bentuk penyelesaian krisis akhlak dalam kalangan remaja secara amnya, serta menjana idea yang sesuai untuk dilaksanakan di sekolah bagi menangani permasalahan disiplin ini.

Masalah delinkuensi dan tingkah laku jenayah yang dilakukan oleh remaja sekolah pada masa kini semakin hari semakin membimbangkan. Pelajar sekolah khususnya di peringkat sekolah menengah berada dalam lingkungan umur yang sangat kritikal iaitu umur remaja, yang ramai dalam kalangan mereka mengalami konflik dalam diri dan krisis identiti. Ini kerana mereka sedang menyesuaikan diri dan berada di zaman peralihan daripada zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa. Kajian lepas mendapati tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja sangat dipengaruhi oleh kecelaruan emosi mereka (Fatin, Mohammad & Norruzyati, 2020). Maka, menjadi tujuan kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen juvana di Sekolah Integriti Kompleks Penjara Kajang (SIK), Selangor. Kepentingan kajian ini adalah bagi menyampaikan mesej berkaitan kecerdasan emosi dan tahap tingkah laku delinkuen remaja juvana. Para ibu bapa, guru, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia amnya dapat memahami dengan lebih jelas berkaitan aspek remaja juvana ini. Seterusnya beberapa langkah dan strategi diharapkan dapat disusun dengan lebih baik lagi demi melahirkan remaja yang lebih mantap emosi dan sahsiahnya.

Penyataan Masalah

Dewasa kini, terdapat lambakan isu gejala sosial dan delinkuensi yang melibatkan pelajar. Ini membimbangkan kerana semakin hari, jumlah pelajar delinkuen menunjukkan peningkatan dan ianya secara tidak langsung menunjukkan kemungkinan terdapat masalah dalam kecerdasan emosi pelajar pada masa kini. Kajian oleh Lailawati dan rakan-rakan (2017) menunjukkan bahawa kecerdasan emosi pelajar masa kini berada pada tahap yang rendah. Sistem pembelajaran di Malaysia yang terlalu berorientasikan peperiksaan seringkali melahirkan pelajar yang cemerlang dari sudut akademik atau sering dikaitkan dengan kecerdasan intelek atau kognitif. Namun begitu, kecerdasan kognitif semata-mata tidak menjamin para remaja yang cemerlang dalam akademik untuk tidak terlibat dengan tingkah laku delinkuen. Berdasarkan temubual dengan Ketua Inspektor Penjara Kajang, Noor Alang Wangsa bin Muhamad Nor (2016) terdapat banduan remaja yang bijak dalam pelajaran misalnya terdapat bekas banduan remaja SIK yang mendapat 6A di dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), namun turut terlibat dengan gejala sosial. Fakta tersebut, jelas menerangkan bahawa kecerdasan kognitif tidak mampu menjadi benteng yang utuh bagi mencegah seseorang remaja untuk tidak terlibat dengan tingkah laku jenayah.

Kajian oleh Maizatul Akmam (2007) mendapati semakin tinggi tahap kecerdasan emosi seorang pelajar, semakin rendah tingkah laku delinkuen pelajar tersebut. Namun begitu terdapat juga kajian yang mendapati sebaliknya iaitu tidak terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen remaja (Obungwah, 2022). Manakala kajian oleh Azizi, Noordin dan Juriah, (2010) mendapati bahawa keakraban ibu bapa dengan anak-anak seperti meluangkan masa berkualiti bersama, mengambil berat aktiviti anak-anak serta mengambil tahu tentang rakan kepada anak dapat membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi anak secara tidak langsung. Begitu juga, latar belakang keluarga atau ibu bapa umpamanya pekerjaan dan taraf pendidikan mereka adalah turut mempengaruhi kecerdasan emosi remaja (Fatin, 2020). Walaupun pelbagai saranan telah dikemukakan, dan pelbagai langkah telah diambil, namun salah laku disiplin dan tingkah laku delinkuen pelajar sekolah masa kini masih lagi berada pada tahap yang membimbangkan. Tidak hanya kecerdasan emosi, isu delinkuensi remaja yang melanda kini juga dikaitkan dengan hubungan latar belakang/demografi ibu bapa, maka kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti samada terdapat faktor demografi yang menunjukkan perbezaan dengan tahap kecerdasan emosi remaja dan juga hubungan dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan juvana di SIK, Selangor, khususnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan hubungan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen, selain mengenalpasti perbezaan kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen berdasarkan faktor demografi (umur dan status sosioekonomi) remaja juvana SIK.

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian diperincikan kepada beberapa persoalan sepetimana berikut;

1. Adakah wujud hubungan yang signifikan antara tahap kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen juvana SIK?.
2. Adakah wujud perbezaan yang signifikan pada tahap kecerdasan emosi dalam kalangan juvana SIK berdasarkan faktor demografi (umur)?.
3. Adakah wujud perbezaan yang signifikan pada tahap kecerdasan emosi dalam kalangan juvana SIK berdasarkan faktor demografi (status sosio-ekonomi - pekerjaan ibu bapa; tahap pendidikan ibu bapa)?.

TINJAUAN LITERATUR

Konsep kecerdasan emosi berkembang bermula dengan Thorndike (1920) yang mengemukakan tentang konsep kecerdasan sosial. Konsep kecerdasan sosial Thorndike ini telah dianggap sebagai asas kepada perkembangan teori kecerdasan emosi. Pada tahun 1940, Wechsler kemudiannya menyatakan bahawa terdapat dua unsur kecerdasan iaitu kecerdasan kognitif dan kecerdasan bukan kognitif. Beliau mendapati bahawa faktor kecerdasan bukan kognitif lebih banyak memberi sumbangan dalam menentukan kejayaan seseorang. Pada tahun 1985, Reuven kemudiannya mencipta istilah *Emotional Quotient* (EQ) yang merupakan penilaian beliau terhadap kecerdasan umum. Beliau mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keupayaan seseorang untuk berunding secara baik dengan orang lain dan keupayaan pengawalan seseorang terhadap dirinya sendiri. Penemuan konsep kecerdasan emosi oleh Reuven ini membawa kepada perkembangan kajian-kajian lanjutan mengenainya, antaranya kajian Mayer dan Salovey (1993) dan Goleman (1995) telah membentangkan penemuan kajian ilmiah mereka dalam bidang kecerdasan emosi. Goleman telah menyatakan bahawa kecerdasan emosi merujuk kepada keupayaan memahami perasaan sendiri, mengurus dan menggunakan untuk membuat sesuatu keputusan dengan berkesan. Di mana menurut beliau, individu yang mempunyai kecerdasan emosi merupakan seseorang yang dapat mengawal rasa kecewa, sedih, bimbang dan perasaan negatif yang lain dengan baik. Goleman (1996) mengemukakan model kecerdasan emosi berdasarkan lima domain iaitu memahami emosi sendiri, mengendalikan emosi, memotivasi diri, menyedari emosi orang lain dan mengendalikan hubungan dengan orang lain.

Domain pertama, kesedaran kendiri -kebolehan seseorang untuk mengetahui perasaan mereka dalam sesuatu situasi dan keupayaan untuk memilih keutamaan dan panduan dalam membuat keputusan. Domain kedua, pengawalan kendiri - dimaksudkan sebagai kebolehan mengurus emosi agar memudahkan penyelesaian masalah, boleh mengawal diri mereka, sentiasa berhemah dan boleh menangguhkan sementara perasaan negatif mereka. Individu sedemikian juga cepat pulih dari pada tekanan emosi. Domain ketiga, motivasi kendiri - berupaya menggunakan kehendak diri dalam menggerakkan dan memandu arah bagi mencapai sesuatu tujuan, membantu seseorang dalam mengambil inisiatif dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki diri, sentiasa tabah apabila menghadapi masalah. Domain ke empat empati- merupakan faktor yang boleh membantu seseorang mengesan perasaan orang lain,dan melihat atau memahami dari sudut pandangan orang lain, boleh menyelami keperitan, kesusahan, kekecewaan atau keraguan seseorang terhadap sesuatu perkara. Domain kelima, kemahiran bersosial - membolehkan seseorang mengurus pelbagai emosi secara efektif dalam perhubungan, mampu mentafsir dengan tepat situasi sosial dan jaringannya, selain daripada mahir memujuk dan memimpin (Goleman, 1995).menurut beliau, individu yang mempunyai kecerdasan emosi merupakan seseorang yang dapat mengawal rasa kecewa, sedih, bimbang dan perasaan negatif yang lain dengan baik.

Goleman (1996) mengemukakan model kecerdasan emosi berdasarkan lima domain iaitu memahami emosi sendiri, mengendalikan emosi, memotivasi diri, menyedari emosi orang lain dan mengendalikan hubungan dengan orang lain. Domain pertama, kesedaran kendiri -kebolehan seseorang untuk mengetahui perasaan mereka dalam sesuatu situasi dan keupayaan untuk memilih keutamaan dan panduan dalam membuat keputusan. Domain kedua, pengawalan kendiri - dimaksudkan sebagai kebolehan mengurus emosi agar memudahkan penyelesaian masalah, boleh mengawal diri mereka, sentiasa berhemah dan boleh menangguhkan sementara perasaan negatif mereka. Individu sedemikian juga cepat pulih dari pada tekanan emosi. Domain ketiga, motivasi kendiri - berupaya menggunakan kehendak diri dalam menggerakkan dan memandu arah bagi mencapai sesuatu tujuan, membantu seseorang dalam mengambil inisiatif dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki diri, sentiasa tabah apabila menghadapi masalah. Domain ke empat empati- merupakan faktor yang boleh membantu seseorang mengesan perasaan orang lain,dan melihat atau memahami dari sudut pandangan orang lain, boleh menyelami keperitan, kesusahan, kekecewaan atau keraguan seseorang terhadap sesuatu perkara. Domain kelima, kemahiran bersosial - membolehkan seseorang mengurus pelbagai emosi secara efektif dalam perhubungan, mampu mentafsir dengan tepat situasi sosial dan jaringannya, selain daripada mahir memujuk dan memimpin (Goleman, 1995).

Menurut beliau, individu yang mempunyai kecerdasan emosi merupakan seseorang yang dapat mengawal rasa kecewa, sedih, bimbang dan perasaan negatif yang lain dengan baik. Goleman (1996) mengemukakan model kecerdasan emosi berdasarkan lima domain iaitu memahami emosi sendiri, mengendalikan emosi, memotivasi diri, menyedari emosi orang lain dan mengendalikan hubungan dengan orang lain. Domain pertama, kesedaran kendiri -kebolehan seseorang untuk mengetahui perasaan mereka dalam sesuatu situasi dan keupayaan untuk memilih keutamaan dan panduan dalam membuat keputusan. Domain kedua, pengawalan kendiri - dimaksudkan sebagai kebolehan mengurus emosi agar memudahkan penyelesaian masalah, boleh mengawal diri mereka, sentiasa berhemah dan boleh menangguhkan sementara perasaan negatif mereka. Individu sedemikian juga cepat pulih dari pada tekanan emosi. Domain ketiga, motivasi kendiri - berupaya menggunakan kehendak diri dalam menggerakkan dan memandu arah bagi mencapai sesuatu tujuan, membantu seseorang dalam mengambil inisiatif dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki diri, sentiasa tabah apabila menghadapi masalah. Domain ke empat empati- merupakan faktor yang boleh membantu seseorang mengesan perasaan orang lain, dan melihat atau memahami dari sudut pandangan orang lain, boleh menyelami keperitan, kesusahan, kekecewaan atau keraguan seseorang terhadap sesuatu perkara. Domain kelima, kemahiran bersosial - membolehkan seseorang mengurus pelbagai emosi secara efektif dalam perhubungan, mampu mentafsir dengan tepat situasi sosial dan jaringannya, selain daripada mahir memujuk dan memimpin (Goleman, 1995).

Tingkah laku delinkuen pula merujuk kepada sebarang perbuatan yang bertentangan dengan norma masyarakat, undang-undang negara dan agama. Ia turut merangkumi tingkah laku agresif dan jenayah seperti gengsterime, bergaduh, memukul, mencuri, merompak dan sebagainya lagi tingkah laku jenayah (Kartini, 1986). Maslow (1954), dalam konsep teori hierarki keperluannya menyatakan bahawa dalam kehidupan manusia terdapat beberapa tahap keperluan yang ingin dicapai seperti keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan kendiri dan keperluan kesempurnaan kendiri. Akan tetapi tidak semua individu dapat memenuhi hierarki keperluan mereka. Remaja yang tidak dapat memenuhi keperluan asas mereka akan berhadapan dengan gangguan emosi mahupun kognitif, mereka kemudiannya tidak dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan-tuntutan persekitaran sosial. Remaja seperti ini akan mengalami konflik diri, kemurungan, berasa bimbang, tertekan, bersalah dan seterusnya sukar menyesuaikan diri dengan persekitarannya. Faktor-faktor psikologi tersebutlah yang akhirnya mencetus dan mendorong berlakunya tingkah laku delinkuen dan jenayah dalam kalangan remaja (Kartini, 1986).

Selain itu menurut teori psikososial Erikson remaja delinkuen ini berada pada tahap kelima iaitu identiti vs kekeliruan identiti (12 tahun sehingga 18 tahun) dimana pada masa ini mereka melalui perubahan yang besar dari aspek sosial, emosi, fizikal dan pemikiran. Oleh itu, mereka akan terlibat dengan kenakalan, penentangan dan mengkhawatir diri sendiri. Jika mereka berjaya mengatasi krisis pada tahap ini mereka akan menjadi seorang yang matang dan memperolehi kepastian kendiri. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan tingkah laku delinkuen dan kecerdasan emosi remaja berdasarkan umur dan status sosio-ekonomi ibu bapa. Pelajar sekolah menengah berada pada peringkat umur remaja yang terdedah kepada ketidakseimbangan emosi dan krisis identiti. Kecerdasan emosi yang rendah mempunyai pengaruh yang signifikan dalam menyumbang kepada ciri kebimbangan dan perubahan tingkah laku responden seperti menimbulkan rasa cemas, resah, gementar dan tegang. Akibatnya, remaja yang mempunyai ciri kebimbangan akan cenderung menunjukkan ketidak tentuan emosi dan perubahan tingkah laku apabila berdepan dengan situasi tertekan. Bahkan ianya boleh turut membawa kepada perubahan tingkah laku delinkuen yang lebih dahsyat seperti cubaan membunuh diri, menyerang orang lain, mencederakan diri sendiri dan sebagainya lagi.


Hubungan Antara Tahap Kecerdasan Emosi dengan Tingkah laku Delinkuen Remaja

Kajian oleh Fabeyanti dan Wijaya (2017) ke atas remaja di Jakarta mendapati bahawa kecerdasan emosi memiliki korelasi negatif dan signifikan dengan kenakalan remaja dengan $r = -0,247$ dan $p = 0,000$. Kenakalan dan prestasi remaja memiliki korelasi negatif dan signifikan dengan $r = -0,210$ dan $p = 0,000$, dan kecerdasan emosional tidak memiliki korelasi dengan prestasi. Kesimpulan daripada

penelitian ini merumuskan kecerdasan emosi yang lebih tinggi adalah kenakalan remaja yang lebih rendah dan kenakalan remaja yang lebih rendah adalah prestasi yang lebih tinggi. Namun kecerdasan emosi yang tinggi belum tentu berprestasi tinggi. Manakala kajian oleh Maizatul (2007) mendapati bahawa terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi antara kumpulan remaja bertingkah laku delinkuen rendah dengan kumpulan remaja bertingkah laku delinkuen tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kecerdasan emosi dua kumpulan tersebut. Seterusnya, kajian oleh Kusnita (2014) mendapati kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen ($r = -0.17$), semakin tinggi tahap kecerdasan emosi seorang remaja, semakin rendah tingkah laku delinkuen remaja tersebut. Selain itu, hasil kajian turut menunjukkan bahawa pendidikan dan emosi ibu bapa yang lebih baik seperti lebih bertanggung jawab terhadap anak akan membentuk emosi yang lebih seimbang pada diri anak. Tahap emosi negatif yang tinggi pada ibu pula berkorelasi dengan tahap penerimaan emosi yang rendah, dan pengaturan kendiri emosi pada anak-anak. Kesimpulan menunjukkan bahawa semakin tinggi kecerdasan emosi ibu bapa, semakin tinggi tanggungjawab anak-anak mereka dan lebih stabil emosinya. Remaja akan menjadi lebih positif, tetapi sekiranya tidak, apabila mereka memasuki kumpulan remaja, mereka tidak tahu apa yang harus dilakukan (berkelakuan) dan mereka tidak mampu menjalin hubungan sosial dan interaksi dengan orang lain. Selain itu, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tanggungjawab anak-anak dalam kalangan ibu bapa dengan tahap kecerdasan emosi yang rendah, sederhana dan tinggi. Ibu bapa dengan tahap pendidikan tinggi mempunyai anak yang mempunyai tanggungjawab tinggi. Terdapat perbezaan tanggungjawab yang signifikan dalam kalangan anak-anak bagi ibu bapa dengan tahap pendidikan rendah, sederhana dan ibu bapa dengan tahap pendidikan tinggi. Tetapi tiada perbezaan tanggungjawab yang signifikan dalam kalangan anak-anak daripada ibu bapa dengan tahap pendidikan rendah dan sederhana. Kajian ini mendedahkan bahawa pendidikan ibu bapa merupakan peramal penting kecerdasan anak, motivasi akademik dan skor pencapaian yang baik di sekolah.

Memandangkan kecenderungan perubahan tingkah laku seseorang lebih dipengaruhi oleh perubahan tahap emosi berbanding tahap kognitif, beberapa kajian telah dilakukan untuk mengkaji perkaitan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku jenayah, antaranya juga ialah kajian Obungwah yang menjalankan kajian ke atas 573 orang pelajar di Nigeria, mendapati aspek kecerdasan emosi seperti kesedaran diri, kesedaran sosial dan kematangan emosi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen pelajar. Dapatkan ini agak berbeza dengan dapatan sebelum ini yang mendapati wujudnya hubungan antara kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen. Seterusnya kajian Azizi et al., (2010) yang turut mengkaji perkaitan antara hubungan kekeluargaan dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen remaja di sekolah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kecerdasan emosi tidak mempunyai sumbangan yang signifikan terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Namun begitu mereka mencadangkan agar ibu bapa sentiasa memberi perhatian kepada pelajaran dan perkembangan emosi anak-anak mereka bagi mencegah mereka terlibat dengan tingkah laku jenayah. Mereka juga mendapati bahawa keakraban ibu bapa dengan anak seperti meluangkan masa berkualiti bersama, mengambil berat aktiviti anak-anak serta mengambil tahu tentang rakan kepada anak dapat membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi anak secara tidak langsung. Anak-anak pada usia remaja perlu sentiasa diberikan sokongan emosi agar dapat meningkatkan tahap kecerdasan emosi mereka.

Kerangka konsep kajian (rajah 1 di bawah) ini menumpukan kepada konsep kecerdasan emosi yang diperkenalkan oleh Goleman (1995) yang menghuraikan lima domain tahap kecerdasan emosi digunakan sebagai pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Faktor demografi yang dikaji pula adalah umur responden, jenis pekerjaan ibu bapa dan taraf pendidikan ibu bapa responden



METODOLOGI

Rekabentuk kajian

Pengkaji menggunakan kaedah kajian kuantitatif deskriptif korelasional dengan mengedarkan soal selidik kepada sampel kajian yang terdiri daripada kalangan remaja lelaki di SIK. Kaedah ini dipilih bagi membuat penelitian untuk mengumpulkan informasi mengenai status yang berhubungan mengenai suatu boleh ubah yang lain. Kaedah korelasi mampu memprediksi hubungan dua variabel atau lebih. Reka bentuk yang digunakan dalam penelitian ini adalah kaedah *survey* atau tinjauan dengan menggunakan teknik pengumpulan data secara soal selidik.

Persampelan Kajian

Populasi kajian terdiri daripada 153 orang juvana lelaki yang berumur antara 14 hingga 19 tahun di SIK. Merujuk kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel yang perlu digunakan bagi populasi ini adalah 132 orang dan sampel kajian ini telah dipilih melalui teknik persampelan bertujuan yang hanya menfokuskan kepada juvana di SIK yang kesemuanya adalah lelaki.

Pengumpulan dan Penganalisan data

Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian lepas bagi mengukur tahap kecerdasan emosi oleh Noriah, Siti Rahayah dan Syed Najmuddin (2003), mereka telah membangunkan satu instrumen yang diberi nama Inventori Kepintaran Emosi Malaysia (IKEM). Inventori ini diubahsuai daripada instrumen asal tahap kecerdasan emosi yang diperkenalkan oleh Goleman (1996) yang mempunyai lima domain (memahami emosi sendiri, mengendalikan emosi, memotivisasikan diri, menyedari emosi orang lain dan mengendalikan hubungan dengan orang lain). Manakala soal selidik penglibatan remaja dalam tingkah laku delinkuen telah diadaptasi daripada instrumen asal yang merupakan instrumen pengukuran tingkah laku antisosial pelajar yang dibangunkan oleh Rozumah, Rumaya, Asnarulkhadi, Amna, Mansur dan Tan (2003). Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang remaja yang mempunyai rekod tingkah laku delinkuen dan salahlaku disiplin yang berat di sekolah. Analisis *Alpha Cronbach* bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen menunjukkan skor instrumen kecerdasan emosi (40 item) ialah 0.79 dan instrumen tingkah laku delinkuen (31 item) ialah 0.91.

Kaedah pengumpulan data secara bersemuka telah dijalankan selama sebulan dengan pengkaji sendiri hadir ke SIK (pemantauan ketat oleh pihak Warder penjara) setelah mendapat kelulusan daripada pihak KPM. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22 bagi mendapatkan taburan data deskriptif seperti peratusan, taburan kekerapan, skor min dan sisihan piawai. Manakala analisis ujian Anova satu hala digunakan untuk melihat perbezaan daripada aspek demografi, selain analisis korelasi *Spearman* untuk melihat hubungan antara boleh ubah.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian telah menganalisis tahap kecerdasan emosi dan tahap penglibatan dalam tingkah laku jenayah remaja Sekolah Integriti Kajang (SIK) dengan menggunakan analisis data deskriptif seperti peratusan, taburan kekerapan, skor min dan sisihan piawai. Manakala analisis ujian Anova satu hala digunakan untuk melihat perbezaan daripada faktor demografi, selain analisis ujian korelasi *Spearman* bagi melihat hubungan antara pemboleh ubah.

Taburan demografi responden kajian

Kajian ini merupakan kajian deskriptif korelasi di mana responden yang dipilih adalah dalam kalangan remaja Sekolah Integriti Kajang (SIK), Selangor. Responden dalam kajian ini dipilih secara rawak kerana mereka adalah kelompok atau sampel yang benar-benar mewakili ciri-ciri populasi remaja Sekolah Integriti Kajang (SIK), yang telah disabitkan dengan tingkah laku delinkuen. Pemilihan responden ini sangat penting agar kajian ini tertumpu kepada responden yang memiliki ciri-ciri yang menepati objektif dan persoalan kajian.

Jadual 1 (di bawah) menunjukkan secara keseluruhan seramai 132 orang responden lelaki terlibat dalam kajian ini dengan taburan umur di antara 14 tahun hingga 19 tahun. Terdapat tiga orang atau 2.3% responden yang berumur 14 tahun, lima orang berumur 16 tahun (3.8%), 11 orang berumur 17 tahun (8.3%), 20 orang berumur 18 tahun (15.2%) dan 93 orang berumur 19 tahun (70.5%).

Di dapati terdapat seramai 28 orang ibu responden atau 21.2% yang bekerja sendiri, 35 orang ibu responden yang makan gaji (26.5%) dan 69 orang ibu responden yang tidak bekerja (52.3%). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu responden merupakan suri rumah sepenuh masa yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Kajian ini juga mendapati bahawa bapa responden yang bekerja sendiri adalah 69 orang atau 52.2%, 55 orang bapa responden yang bekerja makan gaji (41.7%) dan lapan orang bapa responden tidak bekerja (6.1%). Majoriti bapa responden iaitu 93.9% mempunyai pekerjaan manakala bilangan bapa responden yang tidak bekerja adalah sedikit.

Berdasarkan analisis kajian didapati bahawa seramai 50 orang ibu responden atau 37.9% hanya mempunyai kelulusan UPSR, 65 orang ibu responden mempunyai kelulusan PMR (49.2%), 16 orang ibu responden mempunyai kelulusan SPM (12.1%) dan satu orang ibu responden mempunyai kelulusan STPM atau Diploma (0.8%). Kajian ini mendapati bahawa seramai 99.2% ibu responden memiliki tahap pendidikan yang rendah iaitu setakat di sekolah rendah atau menengah sahaja. Manakala 0.8% sahaja ibu responden yang berpendidikan tinggi iaitu di tahap STPM atau diploma. Kajian ini juga mendapati bahawa seramai 41 orang bapa responden atau 31.1% mempunyai kelulusan UPSR, 60 orang bapa responden mempunyai kelulusan PMR (45.4%), 27 orang bapa responden mempunyai kelulusan SPM (20.4%), tiga orang bapa responden mempunyai kelulusan STPM atau Diploma (2.3%) dan satu orang bapa responden mempunyai kelulusan ijazah (0.8%). Ini bermakna seramai 96.9% bapa responden memiliki tahap pendidikan yang rendah iaitu setakat sekolah rendah atau menengah sahaja. Manakala 3.1% sahaja bapa responden yang berpendidikan tinggi.

Jadual 1
Taburan demografi responden

Umur	Frekuensi (n) 132	Peratus (%)
14 tahun	3	2.3
16 tahun	5	3.8
17 tahun	11	8.3
18 tahun	20	15.2
19 tahun	93	70.5

Jenis Pekerjaan Ibu		
Bekerja sendiri	28	21.2

Makan gaji	35	26.5
Tidak bekerja	69	52.3
Jenis Pekerjaan Bapa		
Bekerja sendiri	69	52.2
Makan gaji	55	41.7
Tidak bekerja	8	6.1
Tahap Pendidikan Ibu		
UPSR	50	37.9
PMR	65	49.2
SPM	16	12.1
STPM/Diploma	1	0.8
Tahap Pendidikan Bapa		
UPSR	41	31.1
PMR	60	45.4
SPM	27	20.4
STPM/Diploma	3	2.3
Ijazah	1	0.8
Jumlah	132	100

Jadual 2 (di bawah), merupakan dapatan analisis korelasi *Spearman* yang menunjukkan wujud hubungan signifikan negatif antara tahap kecerdasan emosi dengan tingkah laku jenayah dalam kalangan juvana SIK. Hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi juvana SIK berhubung secara negatif dengan tahap penglibatan mereka dalam tingkah laku jenayah ($r = -.272$). Ini bermakna sekiranya tahap kecerdasan emosi remaja SIK bertambah, maka tahap penglibatan mereka dalam tingkah laku jenayah akan berkurang, begitulah juga sebaliknya. Namun berdasarkan tafsiran korelasi Cohen (Cohen, 1988), hubungan yang wujud antara kedua pemboleh ubah ini adalah lemah iaitu $-.272$.

Jadual 2

Hubungan antara tahap kecerdasan emosi dengan tahap penglibatan tingkah laku jenayah

Pemboleh ubah	Tahap penglibatan dalam tingkah laku jenayah	
	R	Sig.
Tahap kecerdasan emosi	-.272**	.001

**. Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Menjadi tujuan kajian ini untuk melihat samada terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kecerdasan emosi berdasarkan demografi (umur, pekerjaan ibu bapa dan tahap Pendidikan ibu bapa) responden. Perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan berdasarkan demografi dapat ditentukan. Melalui keputusan ujian Anova satu hala, seperti yang terdapat dalam jadual 3 (di bawah) bagi menentukan samada terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan dalam kalangan remaja SIK berdasarkan umur. Nilai signifikan yang diperolehi adalah .541 iaitu lebih besar daripada 0.05. Ini bermaksud tiada perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan daripada aspek umur dalam kalangan responden tersebut.

Jadual 3

Perbezaan tahap kecerdasan emosi dari segi umur

Umur	Kekerapan	Min	Sisihan Piawai		
14 tahun	3	3.19	.822		
15 tahun	-	-	-		
16 tahun	5	3.56	1.008		
17 tahun	11	3.46	1.091		
18 tahun	20	3.60	1.088		
19 tahun	93	3.41	1.045		
Jumlah	132				
Anova (satu hala)					
	Jumlah kuasa dua	Min kuasa dua	dk	F	Sig.
Antara Kumpulan	5.219	1.044	5		
Dalam Kumpulan	167.222	1.154	144		
Jumlah	172.441		149	.879	.541

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Jadual 4 (di bawah) menunjukkan dapatan analisis ujian Anova satu hala bagi menentukan perbezaan tahap kecerdasan emosi remaja SIK berdasarkan pekerjaan ibu. Nilai signifikan yang diperolehi berdasarkan dapatan adalah .482 iaitu lebih besar daripada 0.05. Ini bermaksud tiada perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan berdasarkan pekerjaan ibu dalam kalangan responden tersebut.

Jadual 4

Perbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan pekerjaan ibu

Pekerjaan ibu	Kekerapan	Min	Sisihan Piawai		
Bekerja sendiri	28	3.37	1.072		
Makan gaji	35	3.45	1.018		
Tidak bekerja	69	3.31	1.088		
Jumlah	132				
Anova (satu hala)					
	Jumlah kuasa dua	Min kuasa dua	dk	F	Sig.
Antara Kumpulan	2.171	1.086	2		
Dalam Kumpulan	170.269	1.151	147		
Jumlah	172.440		149	.946	.482

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Jadual 5 (di bawah) menunjukkan dapatan analisis ujian Anova satu hala bagi menentukan samada terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan dalam kalangan remaja SIK berdasarkan pekerjaan bapa. Nilai signifikan yang diperolehi berdasarkan dapatan ini adalah .546 iaitu lebih besar daripada 0.05. Ini bermakna tiada perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan berdasarkan pekerjaan bapa dalam kalangan responden tersebut.

Jadual 5

Perbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan pekerjaan bapa

Pekerjaan bapa	Kekerapan	Min	Sisihan Piawai
Bekerja sendiri	69	3.45	1.089
Makan gaji	55	3.42	1.011
Tidak bekerja	8	3.27	1.224
Jumlah	132		

Anova (satu hala)

	Jumlah kuasa dua	Min kuasa dua	dk	F	Sig.
Antara Kumpulan	2.153	1.089	2		
Dalam Kumpulan	170.261	1.151	147		
Jumlah	172.414		149	1.020	.546

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Jadual 6 (di bawah) menunjukkan dapatan analisis ujian Anova satu hala bagi menentukan samada terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan dalam kalangan remaja SIK berdasarkan pendidikan tertinggi ibu. Nilai signifikan yang diperolehi berdasarkan dapatan ini adalah 0.039 iaitu lebih kecil daripada 0.05. Ini bermaksud terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan berdasarkan pendidikan ibu dalam kalangan responden tersebut.

Jadual 6

Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibu

Pendidikan ibu	Kekerapan	Min	Sisihan Piawai
UPSR ke bawah	50	3.41	1.023
PMR	65	3.55	1.031
SPM	16	3.05	.938
STPM/ Diploma	1	4.00	.000
Ijazah	-	.	
Jumlah	132		

Anova (satu hala)

	Jumlah kuasa dua	Min kuasa dua	dk	F	Sig.
Antara Kumpulan	9.374	3.125	3		
Dalam Kumpulan	162.509	1.091	149		
Jumlah	171.882		152	2.865	.039

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Jadual 7 (di bawah) menunjukkan dapatan analisis ujian Anova satu hala bagi menentukan samada terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan dalam kalangan remaja SIK berdasarkan tahap pendidikan tertinggi bapa. Nilai signifikan yang diperolehi berdasarkan dapatan ini adalah 0.050, yakni menyamai nilai signifikan 0.05. Ini bermaksud terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan berdasarkan pendidikan bapa dalam kalangan responden tersebut.

Jadual 7

Perbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan tahap pendidikan bapa

Pendidikan bapa	Kekerapan	Min	Sisihan Piawai
UPSR ke bawah	41	2.71	.967
PMR	60	3.31	1.083
SPM	27	2.88	.893
STPM/ Diploma	3	3.68	1.155
Ijazah	1	4.00	.000
Jumlah	132		

Anova (satu hala)					
	Jumlah kuasa dua	Min kuasa dua	dk	F	Sig.
Antara Kumpulan	12.329	3.082	4		
Dalam Kumpulan	184.611	1.273	145		
Jumlah	196.940		149	2.421	.050

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Pada kesimpulan, berdasarkan keputusan analisis perbandingan ujian Anova satu hala, di dapati tidak terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi responden dalam aspek umur, pekerjaan ibu dan pekerjaan bapa, namun sebaliknya pula terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan dalam aspek tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa remaja juvana Sekolah Integriti Kajang (SIK).

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dapatan utama kajian menunjukkan analisis korelasi *Spearman* membuktikan wujud hubungan signifikan negatif antara tahap kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen remaja SIK. Dapatan ini adalah selari ataupun menunjukkan persamaan dengan kajian Febiyanti dan Wijaya (2018); Suria (2006) dan Maizatul (2007) yang mendapati wujud hubungan signifikan negatif antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen. Hubungan negatif antara boleh ubah menjelaskan bahawa seandainya tahap kecerdasan emosi tinggi maka tahap delinkensi adalah rendah. Responden dalam kajian Maizatul (2007) pula di dapati mempunyai tahap kecerdasan emosi yang sederhana bagi konstruk kawalan kendiri dan mengendalikan emosi. Namun dapatan ini didapati bertentangan dengan hasil kajian oleh Obungwah (2022) yang mendapati sebaliknya iaitu aspek kecerdasan emosi seperti kesedaran diri, kesedaran sosial dan kematangan emosi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen pelajar

Manakala dapatan kajian berdasarkan aspek demografi umur adalah selari dengan dapatan kajian oleh Rohaizan (2008) yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan pada tahap kecerdasan emosi antara pelajar berumur 13 tahun dan 16 tahun. Dapatan kajian ini juga turut disokong oleh dapatan Noorhidayati (2010) yang turut memperoleh dapatan yang sama bagi aspek demografi umur responden. Namun begitu dapatan kajian oleh Trakis Stami, Fernandez Ritin, and Parrish Dominique, (2018) dan kajian Pooja dan Kumar, (2016) menunjukkan keputusan sebaliknya. Di mana

mereka mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap kecerdasan emosi dengan umur seseorang. Manakala, Trakis, et al., (2018) menyatakan dalam kajian mereka bahawa kecerdasan emosi seseorang seharusnya meningkat selari dengan pertambahan umur dan pengalaman, kecerdasan emosi semakin meningkat melalui pengalaman dan pendedahan seseorang dalam menempuh kehidupan.

Seterusnya dapatan kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan aspek jenis pekerjaan ibu dan pekerjaan bapa remaja SIK ini. Ini bermaksud bahawa jenis pekerjaan ibu dan pekerjaan bapa tidak mempengaruhi tahap kecerdasan emosi remaja SIK. Dapatkan ini adalah selari dengan dapatan oleh Weiss (2008) yang menyatakan bahawa remaja yang mempunyai keluarga yang berstatus sosioekonomi rendah juga boleh menghasilkan anak-anak yang bijak, berpendidikan tinggi dan tahap kecerdasan emosi yang baik. Namun begitu, dapatan kajian ini memerlukan kajian lanjutan mengenai jumlah pendapatan keluarga yang mungkin mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kecerdasan emosi seseorang dalam konteks yang berbeza.

Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan pada tahap kecerdasan emosi remaja SIK berdasarkan demografi (tahap pendidikan tertinggi ibu dan tahap pendidikan tertinggi bapa). Dalam kajian ini tahap pendidikan tertinggi merujuk kepada ibu bapa responden yang mempunyai pendidikan STPM atau Diploma ke atas. Manakala tahap pendidikan rendah pula merujuk kepada ibu bapa responden yang memiliki pendidikan sekolah menengah sahaja iaitu SPM dan ke bawah. Kajian ini mendapati bahawa responden dengan tahap pendidikan ibu yang rendah di dapat memiliki min kecerdasan emosi yang sederhana. Di mana min skor bagi ibu responden yang mempunyai tahap pendidikan UPSR adalah 3.41, PMR 3.55 dan SPM 3.05. Manakala responden dengan pendidikan ibu yang tinggi iaitu STPM/Diploma menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang tinggi dengan nilai min skor 4.00. Dapatkan yang sama diperoleh bagi tahap pendidikan bapa. Responden dengan tahap pendidikan bapa yang rendah di dapat memiliki min kecerdasan emosi yang sederhana. Di mana min skor bagi bapa responden yang mempunyai tahap pendidikan UPSR adalah 2.71, PMR 3.31 dan SPM 2.88. Manakala responden dengan pendidikan bapa yang tinggi menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang tinggi, di mana nilai min skor bapa responden dengan tahap pendidikan STPM atau Diploma adalah 3.68 dan ijazah pula 4.00. Dapatkan ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan berdasarkan aspek demografi tahap pendidikan ibu dan tahap pendidikan bapa remaja SIK. Tahap pendidikan ibu bapa adalah salah satu daripada komponen status sosio-ekonomi (status sosioekonomi), di mana tahap pendidikan ibu bapa yang tinggi dikaitkan dengan taraf status sosioekonomi yang tinggi. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan dapatan yang selari dengan kajian oleh Kusnita, (2014). Namun dapatan kajian ini berbeza dengan kajian oleh Azraa, (2018) yang mendapati tidak wujud hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi pelajar dengan tahap pendidikan ibu bapa mereka. Pooja dan Kumar, (2016) menyatakan bahawa pelajar, terutamanya remaja yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah, mudah terlibat dalam tingkah laku delinkuen dan jenayah sekiranya mereka tidak mendapat apa yang mereka inginkan melalui saluran sosial yang sah. Dapatkan ini menunjukkan bahawa perlunya kajian lanjutan untuk melihat status sosioekonomi responden (taraf pendidikan ibu bapa) secara lebih mendalam dengan melihat perkaitannya dengan tingkah laku delinkuen.

Didikan ibu bapa adalah faktor penting dalam menentukan kejayaan anak-anak, bahkan turut menjadi benteng dan faktor pencegah dalam keterlibatan anak dengan aktiviti negatif atau tingkah laku delinkuen. Menurut Kusnita (2014) terdapat pengaruh kecerdasan emosi, status sosio-ekonomi orang tua, dan sokongan sosial teman sekolah secara bersama-sama pada tahap pengembangan kecerdasan emosi pelajar ini. Hal ini menunjukkan semakin baik kecerdasan emosi, status sosial ekonomi orang tua, dan dorongan sosial teman sekolah, semakin baik pula tingkat kecerdasan emosi dan intelek pelajar. Oleh itu, ibu bapa mesti mempunyai kesedaran untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran

keibubapaan mereka, bahkan juga perlu memahami jiwa anak-anak mereka dengan lebih baik lagi di mana pada peringkat remaja inilah perkembangan emosi anak-anak mereka berada pada tahap kritis. Ibu bapa seharusnya memberi bimbingan yang terbaik bagi meningkatkan lagi tahap kecerdasan emosi anak mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menunjukkan wujud hubungan negatif signifikan antara tahap kecerdasan emosi dengan tingkah laku jenayah dalam kalangan juvana SIK. Hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi juvana SIK berhubung secara negatif dengan tahap penglibatan mereka dalam tingkah laku jenayah. Dapatan kajian ini turut mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja SIK dalam tingkah laku delinkuen, beberapa maklumat baru berkenaan faktor-faktor seperti umur, latarbelakang keluarga dan tahap kecerdasan emosi serta kaitannya dengan tingkah laku delinkuen remaja juga diuraikan. Kajian ini turut menyumbang dapatan yang berguna kepada pihak berkuasa dalam merangka program-program pemulihan kepada remaja yang telah terjebak dengan tingkah laku jenayah. Dapatan kajian turut menyampaikan mesej kepada pihak-pihak berkenaan seperti sekolah, ibu bapa, masyarakat dan kementerian untuk merangka program-program pencegahan gejala sosial dan tingkah laku jenayah dalam kalangan remaja.

Memandangkan terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi yang signifikan dalam aspek tahap pendidikan ibu dan bapa remaja SIK, maka program-program keibubapaan perlu dirangka berdasarkan hasil dapatan kajian ini. Program keibubapaan inilah yang akan menyedarkan ibu bapa tentang peranan besar mereka dalam membimbang anak-anak terutama dalam aspek pengurusan emosi yang berkesan. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa saranan dan cadangan diutarakan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan golongan remaja itu sendiri. Remaja mesti mempunyai kesedaran terhadap meningkatkan lagi tahap kecerdasan emosi mereka. Mereka perlu belajar mengenali, mengendali dan menguruskan emosi mereka dengan betul. Peningkatan tahap kecerdasan emosi remaja bukan sahaja dapat mencegah mereka dari terjebak dengan tingkah laku delinkuen dan jenayah, bahkan dapat meningkatkan lagi prestasi dan potensi mereka dalam bidang yang lain.

Kajian ini diharap mampu membuka ruang untuk kajian akan datang bagi menerokai dan mendalamai aspek-aspek kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Untuk kajian lanjutan adalah dicadangkan pendekatan kualitatif seperti kaedah temubual bersama responden dapat memberikan maklumat secara lebih mendalam berkenaan latarbelakang keluarga, keadaan emosi sebenar responden dan faktor-faktor yang menyebabkan mereka terlibat dalam tingkah laku jenayah. Kajian juga perlu memberi penekanan terhadap aspek kecerdasan emosi yang berkaitan dengan faktor demografi lainnya seperti gender, bangsa dan sebagainya lagi. Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan nafas baru kepada semua pihak yang berkaitan, bagi melaksanakan program-program pembinaan dan pembentukan jatidiri remaja. Cadangan juga diutarakan agar guru harus memperoleh maklumat yang mencukupi tentang pelajar dan membantu pelajar dalam menguruskan emosi mereka, penggalan dasar harus merangka program pendidikan dengan merujuk khusus kepada kecerdasan emosi untuk menangani kecenderungan tingkah laku antisosial pelajar.

Rujukan

- Azizi Y, Noordin Y. & Juriah, B. (2010). Perkaitan antara hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar sekolah Bestari di Daerah Pontian. Fakulti Pendidikan, UTM & Universiti Teknologi Mara (Melaka).
- Azra, F. (2018). Examining the emotional intelligence level of students in Kohat University of Science and Technology in relation to parents' level of education. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*. 6 (2). *Pages 253-260*.
- Fatin M, A., Mohammad R, K & Norruzeyati C, M., Nasir. (2020). Hubungan kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja: perapatan kepada komuniti sebagai perantara. *Akademika*, 90(2), 2020:3-16. https://doi.org/10.17576/akad_2020-9002-01

- Febiyanti, A. & Wijaya, E. (2018). Hubungan antara kecerdasan emosional, perilaku delinkuensi, dan prestasi belajar pada remaja di Selatan Jakarta. *Jurnal Muara Ilmu Sosial*. vol 1 (2). I: <http://dx.doi.org/10.24912/jmishumsen.v1i2.932>
- Goleman, D. (1995). *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Kartini K. (1986). *Patologi Sosial 2 : Kenakalan Remaja*. Jakarta: CV. Rajawali.
- Kusnita, E. (2014). Pengaruh kecerdasan emosional, status sosial ekonomi orang tua, dan dukungan sosial teman sekolah pada tingkat pemahaman pelajaran akuntansi di SMK Negeri 2 Tuban. *Jurnal Ekonomi Pendidikan dan Kewirausahaan* 2(1):3-16. doi: [10.26740/jepk.v2n1.p3-16](https://doi.org/10.26740/jepk.v2n1.p3-16).
- Lailawati M., Abdul Adib A. (2017). Profil kecerdasan emosi sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial (JPsiKS). Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial*. Vol. 1, 13 - 22.
- Maizatul A. (2007). *Perkaitan antara hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar*. Skudai: UTM.
- Maslow, A. (1954). *Motivation and personality*. New York: Harper and Row.
- Noorhidayati, A. (2010). *Hubungan antara kecerdasan emosi dan tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru sekolah menengah di Bandar Kinrara, Puchong, Selangor*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Noriah M. I., Siti, R. & Najamuddin S. (2003). Hubungan antara faktor kecerdasan emosi, nilai kerja dan prestasi kerja di kalangan guru mactab rendah Sains Mara. *Jurnal Teknologi*. 39(E): 75-82.
- Obungwah, F. (2022). Emotional intelligence and delinquent behaviour among secondary school students in Obio-Akpor local government area of Rivers State, Nigeria. *European Journal of Education Studies*. vol 9, No 2 .
- Pooja, J. and Kumar, P. (2016). Demographic variables and its effect on emotional intelligence: A study on Indian service sector employees. *Annal Neurosciences*. Mar; 23(1): 18–24. Published online 2016 Mar 11. doi: [10.1159/000443552](https://doi.org/10.1159/000443552)
- Rohaizan J. (2008). *Kecerdasan emosi, hubungannya dengan tahap kebimbangan dan pencapaian akademik pelajar di sebuah sekolah luar bandar*. Serdang: UPM.
- Rozumah B., Rumaya, J., Asnarulkhadi, A.S., Amna, M. N., Mansur, A. T., dan Tan J. P. (2003). Tingkah laku pelajar sekolah menengah dan rendah. *Monograph Bersiri*. Serdang: UPM.
- Suria, M. (2006). *Kecerdasan emosi, personaliti dan persepsi pelajar terhadap faktor psikososial dalam salah laku jenayah di sekolah menengah luar bandar*. Serdang: UPM.
- Trakis, S., Fernandez, R. and Parrish, D. (2018). Demographic predictors of emotional intelligence among radiation therapists. *Journal Medical Radiat Sciences*. 65(2): 114–122. doi: [10.1002/jmrs.277](https://doi.org/10.1002/jmrs.277)